

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 10 MAC 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN : 12**

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah terdapat langkah diambil kepada pengusaha perjudian yang kerap menghantar SMS kepada pengguna telefon bimbit.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) telah memantau aktiviti menerusi sistem Pesanan Khidmat Ringkas (SMS) yang mengandungi aktiviti judi dalam talian semenjak bulan September 2015. Beberapa langkah pencegahan juga telah diambil oleh SKMM dan pihak penyedia perkhidmatan untuk menyekat aktiviti ini seperti berikut:

- (i) menggantung dan menamatkan talian bagi nombor-nombor yang didapati menyalahgunakan penyedia perkhidmatan untuk tujuan *spam*; dan

## **SOALAN NO: 12**

- (ii) menyekat mana-mana SMS yang mengandungi perkataan-perkataan yang dikenal pasti seperti Casino, Kasino, Poker, Games daripada sampai kepada pengguna.

Sehingga kini, pihak penyedia perkhidmatan telah menyekat lebih daripada 8,000 nombor yang didapati menghantar SMS seperti ini (*Spam*). SKMM kini sedang bekerjasama dengan pihak penyedia perkhidmatan untuk mengeluarkan satu garis panduan kepada industri untuk menyarai hitam mana-mana individu yang didapati melakukan aktiviti *spam* secara berulang. Garis panduan tersebut dijangka dapat membantu pihak penyedia perkhidmatan dalam menangani isu ini secara lebih bersepada dan bagi jangka masa yang lebih panjang.

## MAKLUMAT TAMBAHAN

Bagi kesalahan melakukan aktiviti perjudian, ianya adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Polis DiRaja Malaysia (PDRM) di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Antara tindakan yang telah diambil oleh Pasukan Tindakan Khas Anti Maksiat, Judi dan Gangsterisme (STAGG), Bukit Aman adalah seperti keratan akhbar berikut :



Sumber: Mingguan Malaysia, Muka Depan bertarikh 6 Mac 2016

# STAGG serbu 8 premis judi dalam talian

Oleh NURAINA HANIS  
ABD. HALIM  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 5 MAC

PASUKAN Tindakan Khas Anti Maksiat, Judi dan Gangsterisme (STAGG) Bukit Aman berjaya menahan sebanyak 32 individu yang terlibat dalam perjudian atas talian dalam serbuan dilakukan terhadap lapan buah premis di daerah sekitar Kuala Lumpur, semalam.

Lapan premis yang diserbu adalah di Jalan Gombak, Jalan Semarak Api, Jalan Yap Ah Sak, Lorong Loke Yew dan Lucky Garden, Bangsar.

Dalam serbuan yang bermula kira-kira pukul 8.30 malam hingga 10.30 malam tersebut, kesemua yang ditahan adalah 25 orang warga tempatan dan lima orang warga asing yang merupakan penjaga dan pemain.

Ketua Penolong Pengarah STAGG, Senior Asisten Komisioner Khairi Ahrasa berkata, polis berjaya merampas sebanyak 189 komputer, 14 modem wifi, tiga kalkulator, empat buah buku catatan, lima buah mesin simulator, dua buah kamera litar tertutup (CCTV), sebuah telefon bimbit dan wang tunai berjumlah RM2,478.

Menurutnya, modus operandi operasi premis-premis yang diser-

bu masih memfokuskan kepada pelanggan tetap dengan menyediakan CCTV dan loceng pintu untuk memudahkan mengesan kehadiran pelanggan serta pihak berkuasa.

"Salah seorang yang ditahan merupakan individu yang dikehendaki dalam kes jenayah di bawah Ibu Pejabat Polis Daerah Ampang.

"Kes judi itu disiasat di bawah Seksyen 4B(a) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 atas kesalahan mengajurkan aktiviti mesin perjudian dan Seksyen 55(B) Akta Imigresen 1959/1963 kerana mengambil pekerja tanpa permit yang sah," katanya di sini.

Sumber: Mingguan Malaysia, ms 15 (Dalam Negeri) bertarikh 6 Mac 2016

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

---

Disediakan oleh:

**( EN. ROSMAHYUDDIN BAHARUDDIN )**

Setiausaha Bahagian Kawalan dan Pematuhan

Tarikh : \_\_\_\_\_

---

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) : **Disemak / Tidak Disemak**

**( DATO' MOHID MOHAMED )**

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

Tarikh : \_\_\_\_\_

---

Ketua Setiausaha: **Dipersetujui / Tidak Dipersetujui**

**( DATO` SRI DR. SHARIFAH ZARAH SYED AHMAD )**

Ketua Setiausaha

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Tarikh : \_\_\_\_\_

---

Keputusan Y.B. Menteri: **Diluluskan / Tidak Diluluskan**

Ulasan (jika ada):  
.....  
.....

**( DATUK SERI DR. SALLEH SAID KERUAK )**

Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Tarikh : \_\_\_\_\_